



## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**BERSEMPENA  
LAWATAN RASMI KE RUMAH KANAK-KANAK SULTANAH HAJJAH  
KALSOM, KUANTAN PAHANG**

**23 JUN 2018 (SABTU)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

(Salutasi)

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita semua diberi ruang dan peluang untuk hadir ke sini bersempena dengan lawatan kerja rasmi dan program turun padang untuk saya dapat bersama-sama dengan kumpulan sasar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).
2. Memandangkan kita dalam suasana bulan Syawal dan masih lagi menyambut Hari Raya Aidil Fitri, di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir Dan Batin kepada semua yang hadir pada hari ini . Tidak lupa dan teristimewa sekali untuk anak-anak yang tinggal di Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom ini, Selamat Hari Raya saya ucapkan kepada anak-anak. Semoga aidil fitri pada tahun ini memberi seribu keceriaan dan kerahmatan kepada kita semua.
3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas penerangan yang diberikan oleh Pengetua sebentar tadi berkaitan dengan

perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Rumah Kanak-Kanak ini. Sesungguhnya memastikan kanak-kanak berada dalam keadaan sejahtera dan memberikan yang terbaik kepada mereka dengan menyediakan persekitaran yang selamat, aman dan ceria adalah menjadi tugas dan tanggung jawab kementerian ini dan perlu digalas dengan sebaik-baiknya.

## **PERLINDUNGAN KANAK-KANAK**

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

4. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bilangan penganiayaan dan penderaan terhadap kanak-kanak yang dilaporkan setiap tahun agak membimbangkan dan meningkat setiap tahun. Pada tahun 2015, terdapat **4,453 kes**; bagi tahun 2016, sebanyak **4,982 kes**; manakala pada tahun 2017 pula sebanyak **5,422 kes**.
  
5. Perlindungan kanak-kanak merupakan tanggungjawab bagi setiap ahli masyarakat. Selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child – CRC*) yang Malaysia telah menjadi Negara Pihak semenjak tahun 1995, hak kanak-kanak meliputi aspek kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak.

6. Dalam hal ini, penganiayaan dan penderaan terhadap kanak-kanak perlu dilihat sebagai pelanggaran hak kanak-kanak dan menjadi tanggungjawab semua dan semestinya dibendung demi kepentingan kanak-kanak. Kanak-kanak seharusnya dilindungi dari segala ancaman dan eksploitasi agar mereka sentiasa merasa selamat dalam setiap masa atau keadaan.
  
7. KPWKM melalui JKM telah diberi tanggungjawab untuk memberi perlindungan, penjagaan serta membangunkan salah satu daripada lapan kumpulan sasar KPWKM iaitu kanak-kanak. Akta Kanak-Kanak 2001 yang dipinda pada tahun 2016, telah memastikan kanak-kanak yang dikenal pasti memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di bawah Seksyen 17 akan diberikan perlindungan yang terbaik berdasarkan konsep "*in the best interest of the child*" dan ini termasuklah menempatkan mereka di institusi perlindungan di bawah JKM.
  
8. Sesungguhnya kanak-kanak atau penghuni institusi di sini merupakan golongan yang menjadi mangsa sesuatu keadaan seperti pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi. Jika ditanya kepada mereka, sudah tentu mereka tinggal di sini bukan atas kehendak mereka sendiri. Namun atas faktor-faktor tertentu,

mereka terpaksa tinggal di sini untuk diberi perlindungan. Malah sebahagiannya pula langsung tidak mempunyai ibu bapa. Oleh itu, mereka sudah tentu sangat memerlukan kasih sayang dan perhatian dari kita.

## **INSTITUSI KELOLAAN JKM**

*Hadirin sekalian,*

9. Kanak-kanak adalah merupakan modal insan yang penting kepada negara. Ini termasuklah kanak-kanak yang berada di institusi kelolaan JKM. Mereka sangat memerlukan rangsangan, sokongan dan galakan secara berterusan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang. Selaku pelaksana di peringkat operasi di institusi kanak-kanak, peranan dan tanggungjawab dalam menguruskan institusi adalah amat penting.
  
10. Sedaya upaya bantulah anak-anak ini. Perlu ada sifat mengasihani dan menghargai kerana mereka adalah insan istimewa. Lakukan tugas yang diamanahkan dengan penuh rasa tanggung jawab.
  
11. Saya sedar, berkhidmat di institusi kanak-kanak bukanlah mudah. Banyak cabaran yang ditempuhi dalam mengendalikan kanak-kanak di institusi setiap hari bermula dari kanak-kanak bangun tidur,

hinggalah kanak-kanak tidur semula. Semua aktiviti kanak-kanak tersebut hendaklah diurus sebaik mungkin berdasarkan peraturan dan ketetapan institusi.

12. Setiap pegawai dan kakitangan juga perlu menanamkan nilai-nilai positif dan minat yang mendalam terhadap bidang tugas yang perlu dilakukan. Saya juga ingin mengesyorkan agar kanak-kanak ini diberikan ilmu asas "*survival*" hidup sebagaimana kita mendidik anak-anak kita sendiri seperti berdikari, menyuntik semangat jati diri yang kental serta semangat untuk mempertingkatkan diri ke arah masa depan yang lebih cerah.
13. Saya mengharapkan setiap pegawai dan kakitangan rumah kanak-kanak dapat menyuntik ke dalam diri sendiri dalam menjaga anak-anak ini adalah satu "pelaburan besar negara" untuk masa hadapan. Pepatah asing ada berkata "*love is blind*" dan kata-kata ini amat bertepatan dengan peranan kita semua pada hari ini, untuk memberikan kasih sayang, perlindungan tanpa batasan.
14. Setiap kanak-kanak berhak mendapat kasih sayang yang secukupnya dan sebolehnya membesar dalam situasi berkeluarga dan bukannya dalam institusi. Pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak

pada tahun 2016 telah memperkenalkan satu konsep baru iaitu Pemeliharaan Berasaskan Keluarga bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Saya menyeru JKM supaya berusaha mendapatkan ibu bapa pelihara yang sesuai yang boleh memberi kasih sayang kepada anak-anak ini. Kepada anak-anak pula, saya harap anak-anak dapat terbuka hati menerima kasih sayang dari orang dewasa yang ingin membantu anak-anak semua.

## **HARAPAN**

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi setinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program lawatan dan turun padang pada hari ini. Semoga apa yang di usaha akan mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.
  
16. Kepada anak-anak yang hadir pada hari ini, selamat bercuti sempena cuti persekolahan yang akan berakhir tidak lama lagi. Manfaatkan cuti dengan sebaik-baiknya dengan membuat perkara-perkara yang berfaedah. Bagi yang akan menduduki peperiksaan besar tahun ini iaitu UPSR, PMR dan SPM selamat maju jaya dan belajarlah dengan bersungguh-sungguh.

Saya sudah ucapkan saya ini dengan **WABILLAH** **TAUFIK**  
**WALHIDAYAH, ASSALAMUALAIKUM WARAH MATULLAH**  
**WABARAKATUH.**

Sekian, terima kasih.